

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Khairil Akhtar bin Ghazali

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdaus
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP RND
UKP BUP
UKP BPPT
UKP BTM
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Illahi, Buletin Bulan Mei 2023 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Mei. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelarasan yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelarasan Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniyah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.


Encik Abdul Rashid bin Omar
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



9 772600 853003

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 2 TAHUN 2023 & MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI INSTUN

15 Mei 2023 (Isnin)

INSTUN telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2023 bersekali dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Jabatan. Majlis yang dianjurkan secara sederhana ini dimeriahkan dengan gerai-gerai makanan di bawah kelolaan bahagian, Kelab INSTUN serta pasukan pembersihan/landskap INSTUN yang menghidangkan pelbagai juadah menarik sepanjang program ini berlangsung.

Majlis turut diserikan lagi dengan Pertandingan Busana Terbaik bagi kategori lelaki dan perempuan serta Pertandingan Karaoke. Tahniyah diucapkan kepada para pemenang dan semua peserta yang terlibat.

Sesi Bersalaman bersama YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN dengan seluruh warga INSTUN menjadi acara penutup bagi majlis pada kali ini. Ribuan terima kasih diucapkan atas segala kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan program ini.





BENKEL PEMBANGUNAN RANCANGAN SESI PENGAJARAN (RSP) TAHUN 2023 BERDASARKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG TERKINI DI PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN

2 Hingga 3 Mei 2023 (Selasa - Rabu)

AKTIVITI : Bengkel Pembangunan Rancangan Sesi Pengajaran (RSP) Tahun 2023 Berdasarkan Peruntukan Undang-undang Terkini Di Peringkat Negeri Dan Persekutuan Bahagian Pengurusan Dan Perundangan Tanah

TARIKH : 2 - 3 Mei 2023

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik, INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Bengkel Pembangunan RSP ini telah menjadi tunjang utama dan garis panduan tenaga penceramah dalam menyampaikan ceramah kepada peserta kursus agar mencapai objektif dan tujuan kursus tersebut merangkumi skop-skop yang telah diperhalusi dan dibincangkan bersama tenaga-tenaga penceramah pakar.

Seterusnya, Bengkel Pembangunan RSP ini dirangka bagi menyediakan input latihan dan pembelajaran berkualiti serta memperincikan modul latihan yang telah digubal semasa bengkel modul kepada penyampaian latihan yang terancang dan sistematik.

Objektif pelaksanaan Bengkel Pembangunan RSP ini adalah seperti berikut:

- 1.1 Membangunkan RSP bagi tajuk-tajuk slot di dalam modul-modul kursus pentadbiran dan perundangan tanah INSTUN;
- 1.2 Menyemak dan menyelaraskan RSP sedia ada dengan pindaan terkini undang-undang berkaitan pentadbiran tanah di Malaysia; dan
- 1.3 Membantu tenaga penceramah dalam penyediaan penyampaian ceramah merangkumi skop yang ditetapkan.

Bengkel Pembangunan RSP ini telah disertai oleh 18 orang iaitu terdiri daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT). Bengkel ini telah dijalankan sejak tahun 2014 dan telah berjaya memuktamadkan 148 RSP bagi tajuk-tajuk slot bagi penceramah di bawah modul pentadbiran dan perundangan tanah. Bagi tahun 2023, BPPT mensasarkan pembangunan 16 RSP baharu dan 4 RSP untuk dikemaskini. Namun begitu, BPPT hanya mampu menyelesaikan 15 RSP baharu dan 4 RSP kemaskini merangkumi skop dan kompetensi penceramah dalaman. Sehubungan itu, BPPT mengambil langkah alternatif bagi melengkapkan baki 1 RSP yang belum selesai dimuktamadkan tersebut dengan pelaksanaan secara dalaman bersama penceramah SME bagi modul tanah persekutuan. Sebagai kesimpulannya, pada tahun 2023 ini BPPT telah berjaya memuktamadkan Pembangunan RSP dengan jumlah terkumpul sebanyak 164 RSP.





KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH - MODUL I: BILANGAN 1 (MODUL KANUN TANAH NEGARA I)

8 Hingga 12 Mei 2023 (Isnin - Selasa)

AKTIVITI : Kursus Sijil Pentadbiran Tanah - Modul I: Bilangan 1 (Modul Kanun Tanah Negara I)
TARIKH : 8 - 12 Mei 2023
TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik (PKG) INSTUN

PENCERAMAH :
- Mohd Norshahnaz Bin Md Zahir
- Ab Aziz Bin Ismail
- Mohd Yusaimi Bin Mat Yusof
- Anesh A/L Ganason
- Zulkifli Bin Hanafiah

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 10 orang terdiri daripada pegawai tadbir diplomatik/ pegawai tadbir negeri di JKPTG, PTG dan PTD. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan asas serta proses pelupusan tanah dan pembangunan tanah di bawah Kanun Tanah Negara (KTN)

Kandungan Kursus:

1. Pengenalan kepada Sistem Pentadbiran Tanah
2. Pelupusan tanah Secara Pemberimilikan
3. Pelupusan Tanah Selain Pemberimilikan - Perizapan & Pajakan Tanah Rizab, Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
4. Pelupusan Tanah Selain Pemberimilikan - Permit Bahan Batuan, Permit bahan Batuan dan LPS disatukan, Permit Ruang Udara
5. Laporan Tanah dan Surihan
6. Penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) dan Permintaan Ukur
7. Bentuk Hakmilik, Kategori Syarat dan Sekatan Kepentingan
8. Pembangunan Tanah - Pecah Sempadan, Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak
9. Konsep Pemberimilikan dan Penamatan Hakmilik Bersama di bawah KTN - Pecah Bahagian
10. Pembangunan Tanah - Penyatuan Tanah, Serah Balik (sek. 197) dan Serah Balik & Berimilik Semula (sek 204D) di bawah KTN
11. Penggunaan dan Pengurusan Surat Kuasa Wakil dalam Pembangunan Tanah
12. Pembentangan tugasan kumpulan
13. Ujian





KURSUS KHAS TANAH BAGI ANGGOTA PENTADBIRAN TANAH: PENOLONG PEGAWAI TANAH

9 Hingga 19 Mei 2023

AKTIVITI : Kursus Khas Tanah Bagi Anggota Pentadbiran Tanah : Penolong Pegawai Tanah

TARIKH : 9 - 19 MEI 2023

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tanah

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 26 orang berjawatan Penolong Pegawai Tanah dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif memberi pengetahuan dan kemahiran berkaitan aspek pentadbiran tanah. Penceramah terdiri dari pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah serta Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN dan juga penceramah jemputan En Romran bin Seman (Slot Simfoni Alam), En Zulkifli bin Hanafiah (Slot Laporan Tanah), Puan Zaiton binti Abdullah (JMG), En Haziq Syuwari bin Mahazir (PTD Perak Tengah) dan En Mazlan bin Mohd Daly (JAKOA)



KURSUS PEMBANGUNAN TANAH DI BAWAH KTN

9 Hingga 11 Mei 2023 (Selasa - Khamis)

AKTIVITI : Kursus Pembangunan Tanah Di Bawah KTN

TARIKH : 9 Mei 2023 – 11 Mei 2023

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah

PENCERAMAH : Tn Hj Ab. Aziz Bin Ismail, TPr Zamirzan Bin Puji, En Zahar Bin Sapar, En Abnorhady Bin Abu Bakar

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 22 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pengenalan Pengurusan Pembangunan Tanah di Bawah KTN
- Tukar Syarat dan Jenis Penggunaan Tanah
- Pecah Sempadan, Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak
- Pecah Bahagian dan Penyatuan Tanah
- Serahbalik, Serahbalik & Bermilik Semula
- Pemajuan Tanah Dari Perspektif Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
- Peranan Pusat Pemprosesan Setempat (OSC)
- Pembangunan Tanah di Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok & Tanah Rizab Melayu
- Hak Lalulalang Pentadbir Tanah
- Penggunaan dan Pengurusan Surat Kuasa Wakil Dalam Pembangunan Tanah





“SEMBANG TANAH 9”

12 Mei 2023 (Jumaat)

AKTIVITI : “Sembang Tanah 9”
 TARIKH : 12 Mei 2023
 TEMPAT : Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Sembang Tanah bilangan 9 ini menggandingkan panel dan moderator yang dihormati Ketua Bahagian, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Encik Zulhasmi bin Mohamad bersama moderator Encik Azfaizan bin Ahmad Sarkawi.

Topik yang ingin dikongsikan untuk sesi kali ini adalah “JKPTG vs PTG vs PDT”.Panel memulakan bicara dengan menghuraikan berkenaan pengenalan mengenai struktur pentadbiran hal ehwal tanah di Malaysia dengan susunan seperti berikut :

- I. Kerajaan Persekutuan
- II. Pihak Berkuasa Negeri
- III. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- IV. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
- V. Pejabat Daerah dan Tanah



Sehubungan itu, panel turut menceritakan tentang fungsi-fungsi JKPTG,PTG dan PDT.JKPTG adalah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan menjadi salah satu Jabatan dalam organisasi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.Fungsi JKPTG adalah sebagai penggerak utama pengurusan pentadbiran tanah negara seperti :

- I. Penyemakan Perundangan yang berkaitan Pentadbiran Tanah
- II. Pengurusan Rekod Harta Tanah Persekutuan
- III. Pengambilan Tanah bagi tujuan Projek Persekutuan
- IV. Penyewaan dan Penguatkuasaan Harta Tanah Persekutuan
- V. Pengurusan Pembahagian Pusaka Kecil

Selain itu, panel turut mengkongsikan berkenaan perbezaan hakmilik yang dipegang oleh Pejabat Pendaftar dan Pejabat Tanah boleh dibahagikan mengikut keadaan dan keluasan tanah sepertidi dalam jadual berikut:

Hakmilik Pejabat Pendaftar	Hakmilik Pejabat Tanah
Tanah bandar atau tanah pekan	Mana-mana tanah desa yang luasnya kurang 4 hektar
Mana-mana tanah desa yang lotnya lebih 4 hektar	Semua tanah yang dipegang di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960
Mana-mana bahagian pantai pasang surut atau dasar laut	
Mana-mana lot tanah desa yang luasnya kurang 4 hektar tetapi PBN mengarahkan tanah tersebut dipegang oleh Pejabat Pendaftar (provisio seksyen 77(3))	



Akhir sekali, topik yang dikongsikan ini serba sedikit membuka mata orang awam untuk lebih mengenali peranan, misi dan visi serta perbezaan antara JKPTG,PTG dan PDT yang ada di Malaysia.Kita jumpa lagi di sesi Sembang Tanah seterusnya dengan topik yang menarik dan pastinya juga memberi kita manfaat.



KURSUS PENGAMBILAN TANAH BILANGAN 1

16 Hingga 19 Mei 2023 (Selasa - Jumaat)

AKTIVITI : Kursus Pengambilan Tanah Bilangan 1

TARIKH : 16 - 19 MEI 2023

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 18 orang dari pelbagai kementerian, Jabatan, Agensi Pentadbiran Tanah pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia.

Objektif memberi pengetahuan dan kemahiran berkaitan aspek pengambilan tanah. Penceramah terdiri dari pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN dan juga penceramah jemputan En Ahmad Shahrizal bin Abdul Mubin dari JKPTG Persekutuan Putrajaya.



KURSUS PENDAFTARAN TANAH

23 Hingga 25 Mei 2023 (Selasa - Khamis)

AKTIVITI : Kursus Pendaftaran Tanah

TARIKH : 23 - 25 Mei 2023

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 23 orang dari pelbagai kementerian, Jabatan, Agensi Pentadbiran Tanah pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia.

Objektif memantap dan memperkukuhkan penguasaan pendaftaran hakmilik, urusniaga dan bukan urusniaga. Penceramah terdiri dari pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN dan juga penceramah jemputan En Supian bin Manap serta Tn Hj Ab Aziz bin Ismail





KURSUS PEROLEHAN DAN PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN BILANGAN1

23 Hingga 25 Mei 2023 (Selasa - Khamis)

AKTIVITI : Kursus Perolehan Dan Pengurusan Tanah Persekutuan Bilangan.1

TARIKH : 23 Mei 2023 – 25 Mei 2023

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah

PENCERAMAH : En Ahmad Shahrizal Bin Abdul Mubin
En Khalek Bin Saad
En Azman Bin Mad Dali

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 35 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pengenalan Kepada Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957
- Tatacara Pengambilan Tanah di Malaysia
- Tatacara Permohonan Tanah, Perizaban dan Pembatalan
- Tatacara Pajakan dan Pembelian / Penjualan Serta Penswastaaan
- Tatacara Tukarguna, Penawaran, Pelepasan dan Penyerahan Balik
- Tatacara Penyewaan
- Tatacara Pengawalan, Penguatkuasaan dan Pengurusan Rekod





“SEMBANG TANAH 10”

30 Mei 2023 (Selasa)

Aktiviti : “Sembang Tanah 10”
Tarikh : 30 Mei 2023
Tempat : Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN

Ringkasan Program : Sembang Tanah 10 gandingan panel Encik Rosdi bin Mohd Yaacob dan moderator Puan Suhaila binti Ibrahim dengan tajuk yang begitu menarik penonton iaitu “Pindahmilik Kasih Sayang”.

Panel membuka bicara dengan memberi penerangan berkenaan maksud “Pindahmilik Kasih Sayang”. Oleh itu, ringkasan dari jawapan panel “Pindahmilik Kasih Sayang” ni merujuk kepada pindah milik yang dibuat tanpa balasan wang ringgit iaitu pemberian secara kasih sayang contoh seperti dari suami kepada isteri, ayah kepada anak atau ibu kepada anak.

Selain itu, moderator juga turut bertanya syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum membuat urusan “Pindahmilik Kasih Sayang” ini. Syarat-syarat tersebut yang boleh dinyatakan yang utama adalah surat hakmilik atau geran di tangan. Setiap individu yang ingin membuat “Pindahmilik Kasih Sayang” ini perlu melihat hakmilik yang ada ditangan, ianya perlu dibaca dengan teliti dan mengenalpasti apa juga syarat atau sekatan yang ada pada tanah tersebut.

Akhir sekali, moderator mengajukan soalan berkenaan sekiranya tanah kita ini terdapat gadaian dan pajakan. Bagaimana urusan pindah milik ini boleh dibuat?. Panel menerangkan bahawa bagi Tanah yang mempunyai gadaian dan pajakan, kita hanya perlu mendapatkan kebenaran daripada pemegang gadaian dan pemegang pajakan.

Kita berjumpa di sesi Sembang Tanah seterusnya dengan topik yang lebih menarik dan juga bermanfaat untuk kita semua. Jumpa lagi!!!!





SAMBUTAN AIDILFITRI 2023 BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

8 Mei 2023 (Isnin)

AKTIVITI : SAMBUTAN AIDILFITRI 2023 BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

TARIKH : 8 Mei 2023/ 17 Syawal 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Kemeriahan syawal diteruskan dengan sambutan sederhana oleh warga BUP di pejabat Ukur dan Pemetaan INSTUN. Juadah jamuan raya telah disumbangkan oleh sebahagian kakitangan bagi menambahkan aneka jenis hidangan.

Diantara menu yang terhidang adalah nasi himpit, mee kari, nasi putih juga ayam masak merah, soto jua aneka pencuci mulut, buah-buahan, biskut raya, minuman koktel dan makanan sampingan lain seperti kerepek dan kekacang.

Bagi meramaikan serta memeriahkan lagi majlis ringkas tersebut, semua warga kerja BUP mengenakan busana hari raya dan tidak dilupakan, kami turut menjemput bahagian-bahagian lain di INSTUN untuk sama-sama berkongsi kegembiraan.

Dibulan yang mulia serta medan kegembiraan bagi umat islam, warga kerja BUP mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh kakitangan INSTUN. Semoga kita semua diberkati oleh Allah S.B.W. Amin.



LAWATAN KERJA SEKSYEN GEODETIK KE KOMPLEKS FALAK AL-KHAWARIZMI

9 Mei 2023 (Selasa)

AKTIVITI : LAWATAN KERJA SEKSYEN GEODETIK KE KOMPLEKS FALAK AL-KHAWARIZMI

TARIKH : 9 Mei 2023/ 18 Syawal 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Seramai lima (5) orang delegasi daripada Seksyen Geodetik Bahagian Ukur dan Pemetaan, BUP telah mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Falak di Tanjung Bidara, Melaka. Tujuan lawatan adalah bagi memperoleh maklumat jua pendedahan terutama berkaitan pengurusan dan pentadbiran balai cerap.

Pegawai terlibat dengan lawatan cukup bertuah apabila diberi peluang untuk melawat Planetarium Al-Khwarizmi serta dapat menyaksikan infrastruktur tersedia di dalam ruang berkenaan. Sesi perbincangan turut diadakan bersama S.S. Tuan Haji Hazaruddin bin Hj. Baharuddin, Timbalan Mufti Negeri Melaka dan Ustazah Nor Hashimah binti Embong, iaitu Ketua Bahagian Falak Syari'e Jabatan Mufti Negeri Melaka serta pegawai-pegawai Mufti negeri Melaka yang lain.

Kesungguhan dan iltizam yang digerakkan oleh keseluruhan warga Balai Cerap Kompleks Falak Al-Khwarizmi telah meningkatkan peranan bidang ilmu falak dan astronomi di peringkat Negara dan Antarabangsa. Pasukan Seksyen Geodetik sangat menghargai perkongsian dan layanan yang telah diberikan oleh pihak pengurusan kompleks Falak dan Jabatan Mufti Negeri Melaka sekaligus menzahirkan terima kasih dan semoga kerjasama yang dijalinakan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak.





PERBINCANGAN MODUL LATIHAN PENGUKURAN SIDE SCAN SONAR BAGI TAHUN 2024 BERSAMA HIDROTEKNIK TECHNOLOGIES SDN BHD.

15 Mei 2023 (Isnin)

AKTIVITI : PERBINCANGAN MODUL LATIHAN PENGUKURAN SIDE SCAN SONAR BAGI TAHUN 2024 BERSAMA HIDROTEKNIK TECHNOLOGIES SDN BHD.

TARIKH : 15 Mei 2023/ 24 Syawal 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Pertemuan wakil Seksyen Geodetik bersama Pengarah Geoteknik Sdn Bhd bagi membincangkan modul-modul yang akan digunakan ketika menyampaikan kursus pada tahun hadapan diadakan di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Gombak.

Perancangan berkaitan latihan Pengukuran Side Scan Sonar akan dimasukkan dalam Buku Program Latihan Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN 2024. Penelitian dari aspek input-input yang akan digunakan bagi sesi latihan peserta tahun hadapan menjadi keutamaan bagi memastikan kefahaman serta pengetahuan yang disampaikan memenuhi kehendak teknologi dan amalan kerja semasa.



Penggunaan peralatan Side Scan Sonar dapat digunakan bagi memetakan profil dasar laut selain digunakan dalam misi mencari dan menyelamat.

PROGRAM ISTIWA' AD'ZAM RAHMAH 1444H/2023

26 Mei 2023 (Jumaat)

AKTIVITI : PROGRAM ISTIWA' AD'ZAM RAHMAH 1444H/2023

TARIKH : 26 Mei 2023/6 Zulkaedah 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Penentuan arah kiblat dapat dilakukan pada tarikh dan waktu-waktu tertentu apabila kedudukan matahari tepat di atas posisi kaabah. Sebagai memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada wakil-wakil masjid seluruh daerah Hilir Perak, suatu program telah diadakan dengan menjadikan Masjid Daerah Sultan Idris Shah II sebagai lokasi program.

Perasmian Program Istiwa' Ad'zam ini telah dirasmikan oleh YBhg. Orang Kaya Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Haji Meor Redwan bin Mahayudin, Orang Besar Jajahan Hilir Perak dan turut dihadiri oleh YBhg. Tuan Saidi bin Shaari, Pegawai Daerah Hilir Perak merangkap Pengerusi Masjid Daerah, YBhg. Ustaz Jamil bin Mohd Sapri, Pegawai Tadbir Daerah Hilir Perak, Sr Fauzani binti Azam, ketua Program Ukur Geodetik, Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN mewakili Tuan Pengarah INSTUN.

Kesemua peserta program telah diberikan penerangan berkenaan kejadian Istiwa' Ad'zam sebelum latihan amali berkenaan penentuan arah kiblat dilaksanakan. Peserta telah diletakkan dalam beberapa kumpulan kecil bagi menjalani latihan amali untuk memberikan pemahaman yang lebih terperinci tentang kaedah penentuan arah kiblat. Sesungguhnya program yang dijalankan ini cukup bermakna kepada setiap wakil masjid terlibat dalam membuat semakan arah kiblat tanpa memerlukan khidmat kepakaran pihak luar lain.





MAJLIS PERPISAHAN PEGAWAI BERTUKAR KE JUPEM NEGERI

29 Mei 2023 (Isnin)

AKTIVITI : MAJLIS PERPISAHAN PEGAWAI BERTUKAR KE JUPEM NEGERI

TARIKH : 29 Mei 2023/ 09 Zulkaedah 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Sesi jamuan ringkas sempena pertukaran dua (2) orang pegawai Bahagian Ukur dan Pemetaan, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri telah diraikan bagi mengenang jasa sepanjang perkhidmatan mereka di sini. Pegawai terlibat ialah Sr Hj Md. Issa bin Abdul Hai yang akan bertukar ke JUPEM Terengganu sebagai Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan di sana serta Sr Nor Mahani binti Ibrahim yang akan berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Ukur JUPEM Selangor. Pertukaran kedua-dua Pegawai berkenaan berkuatkuasa 1 Jun 2023.

Sebagai tanda terima kasih kepada jasa pegawai berkenaan, ucapan penghargaan dan cenderahati kenangan telah disampaikan oleh wakil Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN iaitu Sr Ahmad bin Omar, ketua Program Ukur Kadaster bagi upacara tersebut. Kami di Bahagian ini mengucapkan **“Terima Kasih serta Sekalung Penghargaan di atas Segunung Jasa yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan mereka di INSTUN”**. Semoga mereka diberikan rahmat, kesihatan, kelapangan disamping terus sukses di tempat baharu.





KURSUS DATA ANALYTICS & DASHBOARD ANALYTICS (TM02/23)

31 Mei Hingga 2 Jun 2023 (Rabu - Jumaat)

Tajuk : Kursus Data Analytics & Dashboard Analytics (TM02/23)

Tarikh : 31 Mei hingga 02 Jun 2023

Lokasi : Pusat Kecemerlangan Multimedia, INSTUN

Penglibatan : 29 orang peserta

Ringkasan Program :

Kursus ini telah berlangsung secara bersemuka selama 3 hari dengan dihadiri oleh 29 orang peserta dari pelbagai Agensi seluruh Malaysia. Penceramah Jemputan adalah Dr. Zamri bin Osman, Pensyarah Fakulti Komputeran, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Objektif utama penganjuran kursus ini adalah bagi memahami data ekosistem dan asas-asas data analisis disamping menerokai asas pengumpulan data dan belajar cara mengenal pasti sumber data.

Peserta turut mempelajari kemahiran insaniah yang diperlukan untuk menyampaikan data dengan berkesan kepada pihak berkepentingan serta menguasai kemahiran dalam membuat keputusan berdasarkan data visualisasi. Diakhir kursus ini, peserta telah diberi tugas berkumpulan untuk membina satu dashboard dan tugas ini telah dilaksanakan dengan jayanya.

Sepanjang kursus ini berlangsung semua peserta telah memberikan kerjasama, komitmen dan menunjukkan minat yang tinggi dalam menyertai semua aktiviti kursus yang telah diatitkan. Metodologi yang digunakan dalam kursus ini adalah syarahan, perbincangan, latihan dan *eLearning*.





KURSUS DALAM TALIAN: PEMBANGUNAN *CONTENT* KREATIF MEDIA SOSIAL (*COPYWRITING & ADS*)

31 Mei 2023 (Selasa)



Tajuk : Kursus Dalam Talian: Pembangunan *Content* Kreatif Media Sosial (*Copywriting & Ads*)

Tarikh : 31 Mei 2023

Lokasi : Dalam Talian (Pelantar Zoom)

Penglibatan : 125 orang peserta

Ringkasan Program : Kursus yang dihadiri seramai 125 orang peserta terdiri daripada Pegawai dan kakitangan di pelbagai kementerian/ jabatan/ agensi/ badan berkanun/ syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Objektif kursus ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan kaedah *copy writing* untuk pengurusan *content* dalam media sosial, memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta berkenaan kaedah Ads dalam media sosial dan cara memulakan pengiklanan di platform media sosial dengan membangunkan iklan yang berkesan.



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT INSTUN TAHUN 2023

18 Mei 2023 (Khamis)

Tarikh : 18 Mei 2023
Tempat : Perpustakaan INSTUN
Masa : 9.00 pagi

Program “Jom Baca Bersama 10 Minit” merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta.

Program ini merupakan langkah ke arah membentuk masyarakat minat membaca walaupun dalam tempoh yang singkat (10 minit).

Ia merupakan sokongan semua perpustakaan di seluruh Malaysia untuk bersama-sama pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat. Orang ramai digalakkan untuk berhenti seketika pada waktu tersebut dan mengambil bahagian dengan membaca apa-apa jua jenis bacaan.

Antara pengisian sepanjang program ini berlangsung adalah:

- i) Resensi buku oleh Encik Murad bin Isa, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN.
- ii) Membaca secara senyap selama 10 minit.
- iii) Anugerah Peminjam Buku Terbanyak Tahun 2023.

Program ini melibatkan 34 orang iaitu terdiri daripada enam (6) orang wakil dari setiap bahagian serta empat (4) orang urus setia dari Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.





PROGRAM GALAKAN MEMBACA – LAWATAN KE PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL) 2023

31 Mei 2023 (Rabu)

Tarikh : 31 Mei 2023

Tempat : Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur

INSTUN sebagai sebuah institusi latihan dan penyelidikan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan minat membaca dalam kalangan warga kerja INSTUN.

Program lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) ini adalah salah satu aktiviti galakan membaca. Ia merupakan salah satu pendekatan bagi menjadikan program galakan membaca dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berterusan. PBAKL menjadi destinasi terbaik bagi mendapatkan koleksi buku-buku terkini dalam bidang tanah, ukur, pemetaan, teknologi maklumat, penyelidikan serta buku genre lain yang pelbagai. Pada tahun ini, terdapat 259 pempamer yang menjual pelbagai bentuk bahan bacaan.

Seramai 23 orang pegawai dan kakitangan INSTUN telah menyertai lawatan anjuran Seksyen Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan ke PBAKL pada tahun ini. Sepanjang lawatan ini, peserta berpeluang melawat reruai pembekal dan penerbit buku serta memilih dan membeli bahan bacaan yang berkualiti dan terkini. Pada masa yang sama, Seksyen Perpustakaan boleh mendapatkan senarai bahan bacaan daripada pempamer untuk dibuat pemilihan dalam proses pembelian buku bagi menambahkan lagi koleksi Perpustakaan INSTUN pada masa akan datang.





SESI LAWATAN KE STOR BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN INSTUN

5 Mei 2023 (Jumaat)

Satu sesi lawatan ke stor di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Pentadbiran INSTUN meliputi stor utama alat tulis, stor teknikal dan stor peralatan lapang lasak telah dilaksanakan oleh YBrs. Tuan Pengarah INSTUN bersama pegawai dan kakitangan Seksyen Pentadbiran telah diadakan pada 5 Mei 2023. Tujuan lawatan diadakan adalah untuk memantau tadbir urus stok berpandukan pekeliling yang berkuatkuasa.

Tindakan penambahbaikan yang dicadangkan termasuk melupuskan stok yang telah tidak lagi digunakan atau tamat tempoh penggunaan selain melaksanakan pelupusan aset tak alih yang dikenalpasti. Cadangan juga dikemukakan untuk membina sebuah stor berpusat baharu di lokasi yang sesuai bagi meningkatkan pengurusan stor di INSTUN yang lebih sistematik.



SAMBUTAN HARI RAYA PERINGKAT KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC) @ RAYA LESTARI NRECC

9 Mei 2023 (Selasa)

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah turut serta dalam Sambutan Hari Raya peringkat Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) @ Raya Lestari NRECC. Semua jabatan di bawah NRECC telah membekalkan satu menu bagi memeriahkan lagi jamuan pada hari ini. INSTUN tidak terkecuali dengan menyediakan Apam Balik marvelous. Dalam masa yang sama, NRECC dimeriahkan lagi dengan pertandingan booth terbaik.

Alhamdulillah INSTUN berjaya mengekalkan gelaran juara buat kali kedua berturut-turut. Tahniah diucapkan kepada team dekorasi INSTUN. Terima kasih jua kepada Tuan Pengarah serta rakan-rakan sekerja atas sokongan padu





RERUAI PAMERAN INSTUN @ KARNIVAL ALAM KITA

11 Hingga 12 Mei 2023 (Khamis - Jumaat)

Karnival Alam Kita anjuran Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang telah diadakan pada 11 dan 12 Mei 2023 menyaksikan ramai rakyat Kelantan yang turun ke pekarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV. Pelbagai aktiviti menarik seperti ceramah perdana, *Fun Ride*, cabutan bertuah dan reruai pameran dari Jabatan serta Agensi di bawah Kementerian.

Karnival Alam Kita telah dirasmikan oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). YB Menteri turut sama menyerahkan bantuan CSR daripada pihak TNB dan SEDA kepada para asnaf. Turut hadir YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri NRECC serta YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha NRECC.

INSTUN selaku Jabatan di bawah NRECC turut menyertai pameran ini. Selain beramah mesra bersama pengunjung serta memperkenalkan INSTUN, YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim turut berkesempatan untuk bersiaran secara langsung di Facebook INSTUN menerusi segmen *INSTUN Corner*. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pengunjung dan urus setia Karnival Alam Kita, semoga berjumpa lagi!



VIRTUAL RUN (VR) PESUMA XXXIV PERINGKAT INSTUN 16 MEI 2023

16 Mei 2023 (Selasa)

Kelab INSTUN telah menganjurkan *Virtual Run / Larian Maya* peringkat INSTUN pada 16 Mei 2023 bagi menjayakan Pesta Sukan Ukur Se-Malaysia (PESUMA) XXXIV yang akan diadakan di Kuantan, Pahang pada Jun 2023 nanti.

Flag Off larian kali ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN bertempat di Lobi Anjung Bawah, INSTUN. Luan larian sejauh 5 kilometer bermula dari Anjung INSTUN - Pasar Malam Sekiah dan berakhir semula di Anjung INSTUN.

Tahniah diucapkan kepada 59 orang peserta warga INSTUN yang telah berjaya menyempurnakan *Virtual Run* PESUMA XXXIV kali ini!



Tahukah Anda

Dimanakah **INSTUN** dan Cara Memohon **Kursus Online**



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Behrang Ulu, 35950 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837
Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :
Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :
Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Taip url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akaun akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut :
 - Lihat - untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon - untuk memohon kursus.
- Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
- Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna beserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut :
 - Lihat Permohonan - untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi.
 - Kemaskini Permohonan - untuk mengemaskini maklumat di dalam borang.
- Batal Permohonan - untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut :
 - Lihat Permohonan - untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran - untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengganti.
 - Cetak Surat Tawaran - untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training - untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut :
 - Lihat Borang Permohonan - untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian - untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian - untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut :
 - Lihat Borang Permohonan - untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran - untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian - untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu - Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus - Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum - Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.